



Bilangan Kami : JPPPW/POL/2400/02

23 Ogos 2012

Pemegang lesen Pengurup Wang
Pemegang lesen Pengirim Wang
Pemegang lesen Peniaga Mata Wang Borong

Tuan/Puan,

**PENGELUARAN RESIT BAGI TRANSAKSI
PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG**

Seksyen 27 Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW) mengkehendaki setiap pemegang lesen mengeluarkan resit kepada pelanggan untuk setiap transaksi yang berkaitan dengan perniagaan perkhidmatan wang, tanpa mengira jumlah transaksi.

2. Sehubungan itu, setiap pemegang lesen dikehendaki mempamerkan notis di premis perniagaan masing-masing untuk memaklumkan kepada pelanggan supaya mendapatkan resit untuk setiap transaksi. Format dan butir-butir notis tersebut adalah seperti berikut:

Notice to customer

Issuance of receipts is a requirement under the Money Services Business Act 2011. Please insist on a receipt for your transaction.

Notis kepada pelanggan

Pengeluaran resit adalah satu keperluan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011. Sila minta resit bagi transaksi anda.

Setiap pemegang lesen juga perlu memastikan notis tersebut dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dan dibaca oleh pelanggan di semua premis perniagaan.

3. Keperluan mempamerkan notis di atas adalah berkuatkuasa serta merta. Bank Negara Malaysia akan mengambil tindakan yang sewajarnya, sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan terhadap kehendak berkenaan pengeluaran resit.

Yang benar



(Jessica Chew Cheng Lian)
Penolong Gabenor

JPPPW/Circular-receipt/CL/MA